



23 MAR, 2026

Pelbagai langkah disedia pastikan bekalan tenaga negara kekal stabil

Berita Harian, Malaysia



Pelbagai langkah disedia pastikan bekalan tenaga negara kekal stabil

PETRONAS rangka pelan alternatif jika bekalan gas, minyak tak dapat disalurkan melalui Selat Hormuz

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Kuching: Kerajaan menyediakan pelbagai langkah bagi memastikan bekalan tenaga negara kekal stabil susulan krisis yang berlaku di rantau Teluk ketika ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata PETRONAS sudah merangka pelan alternatif jika bekalan minyak atau gas tidak dapat disalurkan melalui Selat Hormuz yang kini berdepan konflik.

Katanya, antara langkah yang diambil termasuk menilai sum-

ber bekalan dari Australia serta negara-negara lain di rantau Asia-Pasifik sebagai alternatif.

"Setakat ini, perancangan itu berjalan dengan baik dan bekalan tenaga negara masih berada dalam keadaan stabil," katanya ketika ditemui pada Majlis Ramah Mesra Rakyat anjuran Gabungan Penghulu dan Ketua Masyarakat Parlimen Petra Jaya di sini, semalam.

Saran jimatkan tenaga

Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) berkata, kerajaan menekankan kepentingan penjimatan tenaga dalam kalangan pengguna bagi memastikan penggunaan gas tidak meningkat secara tidak perlu.

"Kerajaan sudah mengarahkan semua pejabat kerajaan supaya menetapkan suhu penyaman udara pada kadar 24 darjah Celsius bagi mengurangkan penggunaan tenaga."

"Selain itu, kerajaan turut mempertimbang pelaksanaan kerja dari rumah bagi sektor



Fadillah hadir pada Majlis Ramah Mesra Rakyat anjuran Gabungan Penghulu dan Ketua Masyarakat Parlimen Petra Jaya di Kuching, semalam. (Foto Herriey Naha/BH)

yang tidak kritikal sebagai langkah tambahan penjimatan tenaga," katanya.

Pada masa yang sama, beliau turut menyeru rakyat agar lebih berhemat dalam penggunaan elektrik dengan memastikan peralatan yang tidak digunakan ditutup sepenuhnya.

Mengulas kemungkinan kenaikan harga minyak global, Fadillah berkata, kerajaan akan memantau rapat perkembangan harga minyak mentah Brent yang dijangka meningkat dalam tempoh terdekat.

Katanya, kerajaan masih mengekalkan subsidi bagi petrol RON95 melalui program sedia ada walaupun perlu menanggung kos yang tinggi.

"Kerajaan kini menanggung subsidi tidak kurang daripada AS\$2 bilion sebulan bagi memastikan harga RON95 kekal stabil," katanya.

Bagi diesel pula, beliau berkata walaupun harga diselarasakan mengikut pasaran, kumpulan bersasar seperti sektor logistik masih menerima subsidi.